# Jerebu: Tun M hairan Indonesia tak terima tawaran Malaysia

BH ONLINE | Khamis, 19 September 2019 | 4:00pm




Dr Mahathir media selepas Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti Rasuah (JKKMAR) Siri 10 Bilangan 5 Tahun 2019 di Putrajaya, hari ini. - NSTP/Luqman Hakim Zubir

PUTRAJAYA: Tindakan Indonesia yang enggan menerima bantuan Malaysia dalam usaha memadamkan kebakaran hutan di negara itu menimbulkan tanda tanya kepada Tun Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, Malaysia sepanjang masa menawarkan bantuan kepada Indonesia bagi memadamkan kebakaran hutan di negara itu yang mana Malaysia turut menerima kesannya.

"Saya tak tahu kenapa, dan bukan saya untuk bertanya (kepada Indonesia), awak (wartawan) perlu tanya (Presiden Indonesia, Joko Widodo) kenapa tak mahu terima bantuan kita (Malaysia).

"Kita ada pesawat pengebom air yang boleh digunakan (untuk operasi di Indonesia)," katanya kepada media selepas Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti Rasuah (JKKMAR) Siri 10 Bilangan 5 Tahun 2019 di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika ditanya kenapa Indonesia tidak menerima tawaran Malaysia untuk membantu memadamkan kebakaran hutan, walaupun kerajaan sebelum ini sudah mengemukakan tawaran kepada negara jiran terbabit.